



## 054-Bahasa Melayu sebagai Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan: Satu Tinjauan menurut Perspektif Pakar

\*Khadijah Muda

Universiti Sains Islam Malaysia

\*E-mel: khadijahmuda@usim.edu.my

### ABSTRACT

Bahasa Melayu ditulis sebagai bahasa kebangsaan, dan merupakan salah satu unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun, sejauhmana masyarakat Malaysia melaksanakan apa yang telah ditulis dalam Perlembagaan Persekutuan? Kajian ini akan meninjau perspektif pakar mengenai kedudukan bahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat Malaysia dan dikaitkan dengan isu-isu semasa berkaitan bahasa Melayu. Kaedah penyelidikan adalah menggunakan pendekatan kualitatif dengan menemual enam orang pakar sejarah, undang-undang, sosiologi dan pembinaan bangsa. Hasil dapatan menjelaskan bahawa penggunaan bahasa Inggeris lebih diangkat kerana manfaatnya. Pelaksanaan dasar-dasar berkaitan bahasa kurang dilaksanakan menyebabkan bahasa melayu terus dipandang lesu, dan bahasa melayu sebagai lingua franca hanya sekadar nostalgia. Sewajarnya bahasa Melayu dimartabatkan semula kerana bahasa Melayu adalah bahasa penghuni nusantara dan satu bahasa dapat menyatupadukan masyarakat Malaysia khususnya.

**Keywords:** Bahasa melayu; Bahasa perpaduan; unsur tradisi;

### PENGENALAN

Bahasa merupakan alat komunikasi antara manusia, agar mesej yang ingin disampaikan berkesan. Malaysia telah mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, sebagaimana yang telah ditulis dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Bahasa Melayu secara tradisinya adalah bahasa yang digunakan oleh masyarakat alam Melayu sejak dahulu lagi. Hari ini, kesan daripada globalisasi dan pelbagai faktor lain menyebabkan bahasa Melayu tidak diangkat sebagai mana suatu masa dahulu. Pada zaman kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu merupakan lingua franca yang digunakan oleh semua orang yang singgah di alam Melayu (Hanis Izrin, Siti Mahani & Mohd Sharifudin, 2017). Ia digunakan dengan meluas oleh pelbagai bangsa. Perubahan dunia hari ini menyaksikan bahasa Inggeris diangkat tinggi digunakan dengan meluas (Noor Azmira & Nor azlili, 2019) dan mampu memberi banyak manfaat kepada sesiapa yang menguasainya. Maka, kita dapat menyaksikan bahasa Melayu tidak lagi gah seperti dahulu. Kajian ini ingin menerokai kedudukan bahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat Malaysia menurut perspekti pakar dan dikaitkan dengan isu-isu semasa berkaitan bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu temubual bersemuka dilakukan terhadap enam orang informan. Informan kajian terdiri daripada pakar bidang sosiologi perlembagaan, sejarah, undang-undang perlembagaan, dan pakar pembinaan



bangsa. Pakar-pakar yang ditemubual ini adalah Profesor Madya Dr Nazri Muslim, Emeritus Profesor Dato' Dr Teo Kok Seong, Dr Tan Miau Ing, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi, Profesor Madya Dr Muhammad Fathi Yusof dan Profesor Dato' Dr Ramlah Adam. Setelah temubual dilakukan, hasil dapatan ditranskrip, dikodkan dan dikategorikan mengikut tema masing-masing bagi menjawab persoalan kajian.

### **Satu bahasa untuk menyatupadukan kaum**

Prof Madya Dr Nazri Muslim mengatakan bahawa etnik Cina dari sekolah rendah hingga sekolah menengah bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina, maka penggunaan hariannya adalah bahasa ibunda mereka. Perkara ini tidak menyumbang kepada perpaduan negara. Namun, demi kepentingan dan desakan politik, hal ini dibiarkan sahaja. Bagi Dr Tan Miau Ing pula, tidak kira Melayu, Cina atau India sewajarnya sama-sama berusaha mempelajari bahasa yang baru iaitu bahasa Inggeris untuk membina hidup yang lebih baik. Dan menurutnya ini lebih adil untuk semua. Tambahan pula, bahasa inggeris dapat menyatukan semua dengan berkongsi satu bahasa. Bagi Dr Tan Miau Ing, zaman dulu memang bahasa Melayu menyatukan kaum. Contoh ibu beliau yang tinggal di kampung sangat mahir berbahasa Melayu dan rapat dengan orang-orang Melayu. Tetapi orang bukan Melayu bagi generasi hari ini tidak lagi mahir berbahasa Melayu kecuali hanya golongan yang cerdik pandai.

*“Mungkin dalam masa dua..tiga puluh. Maybe twenty, thirty years from now, bahasa English maybe akan replace. Masa zaman ibu saya, bahasa Melayu menyatu kerana ramai yang tidak berpendidikan seperti ibu saya. Belajar bahasa Melayu lebih senang. Ibu saya merasa inferior bila saya cakap bahasa English dengan kawan-kawan saya. Dia tak faham. Orang kampung saya rasa..nenek, datuk juga sama. Tetapi, bila generasi ini sudah tiada, I think bahasa English yang akan menjadi coming back. I tak tau. Ini pandangan saya dan saya nak beritahu, bukan semua orang Cina faham bahasa English. Anda fikirkan sekarang macam mana eh, orang Cina dekat bandar semua faham. Anda sebenarnya pergi lihat yang jual-jual handphome, yang mereka sebenarnya hanya boleh cakap bahasa English untuk jualbeli sahaja.”*

Menurut Dr Tan Miau Ing, pada pandangannya bahasa Melayu lebih senang dipelajari berbanding bahasa Inggeris. Jika dilihat warga asing yang datang ke Malaysia lebih mudah menguasai bahasa Melayu. Bahasa Inggeris biasanya lebih mudah dikuasai oleh golongan yang berpendidikan tinggi.

*“Yes, so that’s why saya cakap saya tak boleh memastikan apa yang berlaku. Sekarang saya fikir balik, yes. Mungkin untuk mereka yang kurang pendidikan, bahasa Melayu lebih senang dipelajari daripada bahasa English. Anda lihat pendedag asing sekarang datang ke Malaysia, 6 bulan sudah pandai cakap bahasa Melayu. Bahasa English yang fasih, I think memakan masa sikit kerana saya pergi Nepal, jumpa orang yang pernah kerja dekat Malaysia sebagai security guard, dia cakap bahasa Melayu dengan saya. Bahasa English tak boleh. Saya terkejut. Wow, orang Nepal cakap bahasa Melayu dengan saya!”*



Walau apa pun bahasa yang digunakan, namun menggunakan satu bahasa dapat menghubungkan dan membolehkan komunikasi lebih berkesan.

### **Penggunaan bahasa melayu dalam kalangan bukan melayu**

Penggunaan bahasa melayu masyarakat bukan Melayu menurut Emeritus Profesor Dato' Dr Teo Kok Seong adalah secara umumnya lemah. Menurut beliau, orang bukan Melayu mengatakan mereka mahir, namun secara praktikalnya mereka tidak boleh berbahasa Melayu dengan baik. Mereka ke tuisyen dan menghafal karangan untuk dapat A, agar dapat memenuhi syarat-syarat lulus peperiksaan. Jika mereka gagal bahasa Melayu, bermakna mereka akan gagal seluruh peperiksaan awam. Menurut Emeritus Profesor Dato' Dr Teo Kok Seong, sepatutnya masyarakat bukan melayu mempelajari bahasa melayu secara integratif untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu. Tambah beliau lagi,

*“Kalau orientasi pembelajarannya integratif, maka kita akan dapat lihatlah mereka lebih positif sikapnya terhadap Bahasa Melayu. Tapi, apa yang berlaku? Mereka belajar secara instrumental. Sebab gagal matapelajaran Bahasa Melayu, gagal seluruh peperiksaan awam. Jadi, mereka bermati-matian akan pastikan mereka dapat gred secukupnya. Mereka tuisyen, mereka hafal. Dan saya kira salah kerajaan jugak kerana dahulunya ada peperiksaan lisan SPM itu. Ditulis di dalam sijil itu lulus lisan, gagal lisan. Tapi tu dimansuhkan. Dan lisan itu diadakan di peringkat sekolah yang boleh dikompromi pun. Maksudnya, cikgu sekolah. Cikgu sendiri yang nilai. Kalau dahulu cikgu dari sekolah lain yang datang menilai. Bacalah kau petikan ini. Bacalah. Jawablah soalan. Jadi, akan dipelajari dengan lebih serius. Sekarang, mereka belajar hafal dan sebagainya. Dan kita dapati dikatakan mereka dapat. Mereka dapat tunjuk keputusan A dan sebagainya. Tapi, tak boleh bertutur pun.”*

Orang bukan Melayu dilihat mempelajari bahasa Melayu hanya untuk lulus peperiksaan, dan mereka tidak mahir menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi.

### **Bahasa Melayu sebagai lingua franca hanya nostalgia**

Emeritus Profesor Dato' Dr Teo Kok Seong mengatakan bahawa untuk bahasa Melayu kembali sebagaimana suatu ketika dahulu adalah suatu yang mustahil. Ianya adalah satu nostalgia. Suatu ketika dahulu bahasa Melayu sebagai Lingua Franca merupakan satu kebanggaan buat semua. Hari ini bahasa Melayu masih digunakan sejak dari zaman penjajah lagi.

*“Kita bina balik legasi itu. Maknanya ia pernah cemerlang. Datang penjajah, kurang cemerlang. Dan setelah merdeka, kita ada kuasa untuk mencemerlangkan ia. Tetapi betul, sewaktu kemerdekaan, kita bina balik. Tapi kita sendiri jugak yang meruntuhkan legasi itu. Adanya PPSMI. Sekarang universitinya lebih banyak menggunakan Bahasa Inggeris daripada Bahasa Melayu. Kita sendiri runtuhkan legasi itu. Bukan orang putih paksa kita guna Bahasa mereka. Tak ada. Kita sendiri. Jadi, saya kira legasi semasa tak ada di Malaysia. Tapi ia ada di Indonesia. Di Indonesia, waktu penjajahan, Bahasa Melayu kurang cemerlang. selepas penjajahan, merdeka, rakyat Indonesia*

*mencemerlangkannya sampai hari ini. Kita pun mula mencemerlangkannya, sampai satu tahap, kita juga sendiri yang meruntuhkannya. Jadi, itulah. Jadi, saya bila dengar orang bercakap dengan Bahasa Melayu ini, ya, Lingua Franca..ini nostalgia. Legasi lampau ia hebat. Legasi semasa tak ada. Macam mana ia nak hebat sekarang? Ia tak ada legasi. Dan legasi itu bukan tak ada. Pernah kita bina balik sewaktu kita merdeka kan. Tapi kita sendiri yang meruntuhkannya. Contoh, PPSMI. Kita sendiri yang merasakan Bahasa Melayu tak mampu memandaikan anak bangsa itu. Terutamanya dalam bidang Sains dan Teknologi. Kita perlu Bahasa Inggeris. Kita sendiri yang buat. Bukan Inggeris. Bukan kuasa mana-mana paksa kan?"*

Kita mempunyai peluang yang cerah untuk menaikkan bahasa Melayu, namun kita sendiri meruntuhkannya dengan mengadakan PPSMI, institusi pendidikan juga lebih mengutamakan bahasa Inggeris dan kita merasakan dengan bahasa Melayu tidak mampu memandaikan anak bangsa. Berbeza dengan Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi, bagi beliau kita mampu mengangkat bahasa Melayu sebagaimana suatu ketika dahulu. Menurutnya

*"Eh, apesal tak boleh pulak? Kita yang tak buat. Boleh buat. Nak buat ke tak nak buat? Itu je. Brunei cakap Melayu. Indonesia cakap Melayu. Kalau kita nak laksanakan cita-cita nak jadikan Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca tu, apa langkah sepatutnya? Political will mesti ada. Kalaulah Jawi pun 4 muka surat pun terketar-ketar nak dapatkan restu orang bukan Melayu, apa cerita? Sebab itulah, dalam buku terbaru saya, saya buat gagasan bangsa Malaysia ni dari segi kumpulan etnik tersebut, orang Melayu, orang bukan Melayu, anak Negeri Sabah, anak Negeri Sarawak. Ni yang disebut. Jangan sebut orang Cina, orang India. Sebab Cina India tu dekat China sana. Kita nak memupuk bangsa Malaysia. so, bangsa Malaysia terdiri daripada kumpulan etnik orang Melayu, orang bukan Melayu, anak Negeri Sabah, anak Negeri Sarawak, cukup. Itu kata, ahli akademik kita mesti ada wawasan. Orang politik kita mesti ada wawasan Jangan asyik nak berkelahi je. Kita punya ahli akademik pun nak nasihat tak berani. Ahli akademik pun tak berani. Ada yang jadi orang suruhan. Rakyat boleh bersuara. Jadi, apa peranan kita? Kita ada berapa ramai tenaga pengajar? Cikgu sekolah kita ada berapa ratus ribu? Pensyarah kita ada berapa? Cukup hebat. Tapi, mana keberaniannya?"*

Beliau menyarankan agar semua rakyat perlu bersatu dan mempunyai wawasan untuk mengangkat bahasa Melayu. Jangan asyik bertelagah antara satu sama lain.

### **Mengutamakan Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu**

Dari segi bahasa Melayu, Prof Madya Dr Nazri Muslim dari Universiti Kebangsaan Malaysia mengatakan bahawa kita berada dalam dilema, iaitu bahasa Inggeris perlu diangkat untuk mencapai kebolehpasaran pelajar setelah bergraduat. Namun bahasa Melayu perlu dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa inggeris perlu dijadikan sebagai bahasa kedua. IPTA perlu mainkan peranan dengan merealisasikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Tambah beliau lagi, IPTA merupakan universiti di bawah kerajaan, maka segala urusan rasmi perlu menggunakan bahasa Melayu sebagaimana yang tertulis dalam Perlembagaan Persekutuan. Menurut Dr Tan Miao Ing pula, hari ini bahasa Inggeris menjadi keutamaan.



Dalam dunia akademik contohnya, semua memerlukan bahasa Inggeris. Penulisan tesis perlu bahasa Inggeris, artikel jurnal yang berindeks tinggi lebih banyak dalam bahasa Inggeris, dan mahu atau tidak bahasa Inggeris adalah satu keperluan. Begitu juga menurut Profesor Madya Dr Muhammad Fathi Yusof bahawa pentingnya menguasai bahasa. Bahasa terdiri daripada bahasa komunikasi dan bahasa ilmu. Bahasa ilmu mampu mewujudkan perbendaharaan kata yang mencukupi bagi menyiapkan perkara-perkara yang kompleks dalam pelbagai cabang ilmu, dan ini merupakan cabaran kepada bahasa Melayu. Kebanyakan buku adalah dalam bahasa Inggeris. Profesor Dato' Dr Ramlah Adam iaitu pesara bidang sejarah mengaitkan isu bahasa Melayu dengan didikan ibu bapa zaman sekarang yang berada di bandar-bandar. Mereka suka mengajar anak-anak mereka bercakap menggunakan bahasa Inggeris. Mereka merasa bangga menggunakan bahasa Inggeris. Sedangkan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa takrifan bagi orang Melayu adalah bercakap bahasa Melayu. Jadi, mereka telah lari dari takrifan sebagai Melayu. Mengulas tentang isu-isu berkaitan bahasa, Profesor Dato' Dr Ramlah Adam menjawab

*"Itu salah kita. You see masalah begini salah kita jugak. Sejarah kita ni sangat pelik tau. Kita dah ada buat dasar tu sebelum merdeka. 1955, saya ingat dewan mesyuarat di persekutuan tu, dewan persekutuan telah katakana Bahasa melayu Bahasa kebangsaan ya tapi sebab Bahasa inggeris tu terlalu kukuh dalam pentadbiran, tu sampai sekarang orang masih lagi memandang Bahasa inggeris lagi tinggi. Tetapi, nasib baiklah masa apa kita kata masa Rahman jadi Menteri pengajian tinggi, dia paksa kita berbahasa melayu. Tapi, itu dah elok dah. Tapi, bila Mahathir jadi 2003 dijadikan pula Bahasa inggeris jadi sekarang semua orang dah ikut pada Bahasa inggeris so, kalaulah orang melayu yang buat dasar lepas tu langgar, non – malays lagi laa mereka suka lah. You tegok dalam tv, mereka tak cakap pun Bahasa melayu, tapi orang politik dia cakap sebab nak pengaruh dari kita. Tapi yang economist yang financial man ya dak? Yang cakap soal apa kita cakap semua Bahasa inggeris. Haaa, so maknanya bukan salah mereka. Salah kita tak buat dasar dan salah kita jugak yang tidak mengamalkan Bahasa inggeris dan kita takde semangat sayang kepada Bahasa. Itu yang jadi. Haaa jadi, oleh sebab itu, hari ini banyak orang masih berbahasa inggeris dan kenaikan pangkat di university pun orang ikut Bahasa inggeris kan? You tulis banyak jurnal antarabangsa, scopus ke apa benda, you masuk. Saya..masa saya, saya dah lepas experience tu. Saya tak setuju. Dan saya percaya Bahasa melayu layak menjadi Bahasa akademik."*

Tambah beliau lagi dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan hanya kekal dalam perlembagaan sahaja, kurang dari segi pelaksanaan.

*"Even budak budak muda pun bila mereka sekarang buka syarikat. Dia gunakan subjek bahasa Inggeris kan. Sebab online kan semua Bahasa inggeris xde guna Bahasa melayu. Jadi saya tengok semua orang cakap Bahasa inggeris. Jadi you nak buat macam mana? Dasar dah ada. Pelaksanaannya tidak berlaku. Ya, lepas tu pulak, penghargaan ataupun pengiktirafan kepada Bahasa melayu di universiti untuk naikkan pangkat pun takde. Jadi macam mana you nak cakap. Then, lepas tu mereka yang berbahasa melayu susah nak naik pangkat. Betul? Bila dilantik tu saya tengok semua yang English educated overseas. Haa jadi macamana? Dasar ada, pelaksanaan tu makin teruk. So, jadi masa depan nak*



*naik tu, saya tak tahu lah. dan orang sekarang pun tak macam zaman saya tahu. Masa saya muda dulu remaja umur saya dalam 20an. Perjuangan bahasa ni kuat. Tau. selalu ada pertandingan bahasa. Tapi sekarang sunyi senyap ataupun kalau ada tu sekali sekala dengar. Dewan bahasa pun tak mainkan peranan yang besar. Sebab dia selalu dinyahkan macam dia diberi kuasa untuk Check Spelling. Ejaan ejaan papan tanda kan? Dia tegur je. Dia tak boleh tangkap tau. Jadi orang tak peduli dekat dia. Jadi apa yang kita nak cakap bahasa Melayu itu, jadi bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan je laa.”*

### **Bahasa Melayu perlu dimartabatkan**

*“perlu dimartabatkan bahasa Melayu sebab dia bahasa kebangsaan. Itulah satu ciri-ciri untuk kita meningkatkan lagi martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kalau bukan kita, siapa lagikan. So kena ambil lah, di samping kita memartabatkan bahasa kebangsaan. Penggunaan bahasa Inggeris itu perlulah kan jadi bahasa ketiga dan dan sebagainya.” – Profesor Madya Dr Nazri Muslim.*

Tambah beliau lagi, institusi-institusi tempatan milik kerajaan perlu menggunakan bahasa Melayu kerana termaktub dalam Perlembagaan.

### **KESIMPULAN**

Hari ini bahasa melayu masih digunakan oleh rakyat Malaysia yang majoritinya orang Melayu, namun kurang digunakan oleh orang bukan Melayu. Penguasaan bahasa Melayu orang bukan Melayu adalah lemah. Mereka banyak menghafal, bukan mempraktikkannya. Penggunaan bahasa inggeris lebih ditekankan kerana manfaatnya pada hari ini yang lebih besar berbanding bahasa melayu. Pelbagai dasar dalam memartabatkan bahasa melayu telah dilakukan, namun pelaksanaannya agak kurang menyebabkan bahasa melayu kurang dimartabatkan. Penggunaan bahasa inggeris yang terlalu ditekankan diawal usia lagi menyebabkan bahasa melayu terus terpinggir dan jati diri bangsa melayu makin lama makin pudar. Maka, menjadi peranan semua untuk memartabatkan kembali bahasa melayu. Kerana bahasa adalah jati diri kita. Bahasa jiwa bangsa. Bahasa melayu pernah menjadi lingua franca suatu ketika dahulu, terbukti bahasa ini pernah berada di persada dunia.

### **PENGHARGAAN**

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah dana Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) Kementerian Pengajian Tinggi. Tajuk penyelidikan: Pembinaan indeks pengetahuan, pemahaman dan penghayatan kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. Kod projek: FRGS/1/2019/SS06/USIM/03/2.



## RUJUKAN

- Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian & Mohd Sharifudin Yusop. (2017). Kegemilangan bahasa melayu sebagai lingua franca. *Jurnal Kesidang*, 2(1), 18-30.
- Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan. (2019). Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*